

## **PROGRAM USAHATANI CENDAWAN DAN PEMERKASAAN GOLONGAN IBU TUNGGAL DI TERENGGANU**

### **MUSHROOM FARMING PROGRAMME AND EMPOWERMENT OF SINGLE MOTHERS IN TERENGGANU, MALAYSIA**

**Nor Hayati Sa'at**

School of Social and Economic Development  
Universiti Malaysia Terengganu  
[norhayati@umt.edu.my](mailto:norhayati@umt.edu.my)

**Abdul Rahman Embong**

Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

#### **ABSTRACT**

In general community development takes the community as the focus and subject of development. In Malaysia, community development is often directed towards the community in areas that are underdeveloped, isolated and left out of the nation's mainstream development. A survey of the literature shows that the success of development programmes be it for individual or community, requires the empowerment of the participants so that they have a sense of ownership and take responsibility for the success of their projects. In Malaysia, the government implements community development through various organisations or institutions. Besides the government and private sector, we also have non-governmental organisations playing their role to contribute towards the socio-economic development programmes. In Terengganu, the Sultan Mizan Royal Foundation (YDSM) which was established in 2005 is a very proactive institution carrying out socio-economic development programmes mainly for the poor and marginalised groups. This article seeks to present the experiences from one of those programmes, which is a project in mushroom farming for single mothers in Terengganu. It is based on the outcome of a Research Report entitled "Community Development and Empowerment: Evaluation of Sultan Mizan Royal Foundation (YDSM) Projects". This article has three objectives: first, to determine the concept of empowerment as used by non-governmental organisations such as YDSM; second, to evaluate the effectiveness of mushroom farming programme to the participating single mothers; and third, to review and evaluate the programme's implementation and monitoring by YDSM in its effort to empower single mothers. This is an action research which aims to provide inputs for the continuous improvement of the programme's implementation based on feedbacks received via research. A total of 58 single mothers who were participants of this project and residing in seven districts, namely Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang and Setiu were chosen as respondents. The findings of this research show that the mushroom farming project has successfully helped single mothers to empower themselves by making agriculture as a form of businesses that has increased their income and standard of living. The study also shows that most of the participants gave positive views on the project. They believed that this project has given them a good exposure and increased their skills to make agriculture as a business whilst enhancing their quality of life.

**Key words:** Community development, role of non-governmental organisations, agrobusiness programme, single mothers, empowerment.

### Abstrak

Pembangunan komuniti umumnya menjadikan komuniti sebagai tumpuan utama dan subjek pembangunan. Dalam konteks Malaysia, pembangunan komuniti lazimnya diberi penekanan kepada komuniti yang mendiami kawasan mundur, terpencil dan ketinggalan daripada arus perdana pembangunan negara. Kajian lepas menunjukkan kejayaan pembangunan individu dan komuniti bergantung kepada penerapan prinsip pemeraksanaan atau pengupayaan para peserta agar melibatkan diri dan mengambil tanggungjawab ke atas kemajuan projek masing-masing. Di Malaysia, pihak kerajaan melaksanakan pembangunan komuniti melalui pelbagai organisasi atau institusi. Selain daripada itu, terdapat juga usaha di luar sektor kerajaan dan swasta yang menyumbang kepada program pembangunan sosioekonomi komuniti. Di Terengganu, Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) yang ditubuhkan pada 2005 adalah antara institusi yang proaktif melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dengan tumpuan kepada komuniti miskin dan terpinggir. Artikel ini bertujuan membentangkan pengalaman salah satu daripada program tersebut, iaitu projek usahatani cendawan untuk ibu tunggal di Terengganu berdasarkan hasil penemuan projek penyelidikan “Pembangunan dan Pemeraksanaan Komuniti: Penilaian ke atas Projek-projek Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM).” Artikel ini mempunyai tiga objektif, iaitu mengenal pasti konsep pemeraksanaan yang dilaksanakan oleh agen pembangunan bukan-pemerintah, dalam kes ini YDSM; menilai keberkesanan program usahatani cendawan kepada peserta golongan ibu tunggal; dan ketiga, meneliti dan menilai proses pelaksanaan dan pemantauan program ini dalam usaha memperkasakan golongan ibu tunggal. Projek ini bersifat *action research* atau penyelidikan tindakan yang bertujuan melakukan penambahbaikan dari segi pelaksanaan program secara berterusan berdasarkan maklum balas yang diperolehi melalui kajian. Seramai 58 orang peserta ibu tunggal yang berada di tujuh daerah, iaitu Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang dan Setiu telah dipilih sebagai responden. Hasil kajian mendapati projek tanaman cendawan berjaya membantu ibu tunggal memperkasakan diri melalui usaha pertanian dengan menjadikan pertanian sebagai suatu perniagaan yang dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Hasil kajian juga menunjukkan kebanyakan peserta menyatakan pandangan yang positif tentang projek tersebut. Mereka berpendapat bahawa projek tanaman cendawan ini telah memberikan pendedahan dan meningkatkan kemahiran peserta untuk menjadikan pertanian sebagai suatu perniagaan disamping dapat meningkatkan taraf hidup keluarga.

**Kata kunci:** Pembangunan komuniti, peranan organisasi bukan kerajaan, program usahawan tani, ibu tunggal, pemeraksanaan.

## Pengenalan

Pembangunan komuniti berasaskan keikutsertaan anggota masyarakat umumnya meletakkan sesebuah komuniti itu sebagai tumpuan dan subjek pembangunan, bukan sebagai objek yang pasif. Dalam konteks Malaysia, pembangunan komuniti lazimnya memberi penekanan kepada komuniti yang mendiami kawasan mundur, terpencil dan ketinggalan dari arus pembangunan perdana. Kejayaan pembangunan individu dan komuniti bergantung kepada penerapan prinsip pemerksaan atau pengupayaan para peserta serta partisipasi mereka secara substantif agar mereka sendiri mengambil tanggungjawab ke atas kemajuan projek masing-masing (Ishak, 1992; Abdul Rahman, 2007; Nor Hayati, 2011). Di Malaysia, pihak kerajaan melaksanakan pembangunan komuniti melalui pelbagai organisasi atau institusi. Antara institusi yang diakui banyak menyediakan bantuan pinjaman kepada komuniti ialah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha (TEKUN), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Selain sektor kerajaan dan swasta, terdapat juga usaha di pihak lain yang menyumbang kepada program pembangunan sosioekonomi komuniti. Sektor ini menjadi semakin penting dalam kerangka pembangunan komuniti hari ini. Di Terengganu, Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) yang ditubuhkan pada 2005 adalah sebuah organisasi bukan-pemerintah yang berperanan sebagai agen pembangunan proaktif dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan sosioekonomi dengan tumpuan kepada komuniti miskin dan terpinggir. Artikel ini bertujuan membincangkan pengalaman salah satu daripada program tersebut, iaitu projek usahatani cendawan untuk ibu tunggal di Terengganu. Penulisan ini adalah berdasarkan hasil penemuan projek penyelidikan “Pembangunan dan Pemerksaan Komuniti: Penilaian ke atas Projek-projek Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM).” Bertolak daripada falsafah “Memberi joran untuk memancing ikan,” YDSM telah melaksanakan projek tanaman cendawan dalam kalangan ibu tunggal di pelbagai desa yang berminat menyertainya.

Artikel ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep pemerksaan yang dilaksanakan oleh agen pembangunan bukan-pemerintah, dalam kes ini YDSM. Kedua, menilai keberkesanan program usahatani cendawan kepada golongan ibu tunggal. Ketiga, meneliti dan menilai proses pelaksanaan dan pemantauan program ini dalam usaha memperkasakan golongan ibu tunggal. Sebagai sebuah projek yang bersifat *action research* atau penyelidikan tindakan, hasil kajian berdasarkan maklum balas yang diperoleh melalui kajian ini disampaikan secara berterusan kepada pihak YDSM untuk menambah baik program.

## Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan adalah satu komponen penting dalam metodologi kajian. Metodologi merangkumi andaian dan sistem nilai yang menjadi asas dan rasional bagi penyelidikan, termasuk kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk menghimpunkan dan mentafsir data serta mencapai kesimpulan (Bailey, 1978: 26). Berdasarkan pemahaman tentang metodologi tersebut, kajian lapangan dilakukan menggunakan kaedah campuran (*mixed methods*) dengan menggabungkan empat kaedah secara serentak, iaitu kaedah survei menggunakan soal selidik, temu bual informan (termasuk pegawai yayasan) secara mendalam, perbincangan kumpulan tumpuan (*focus group discussion*) dan kaedah pemerhatian. Unit analisis kajian melibatkan ketua keluarga (ibu tunggal)

dan ahli keluarga. Sejumlah 58 orang ketua keluarga ini dipilih secara sampel bertujuan (*purposive sampling*).

Pengumpulan data primer utama kajian ini menggunakan instrumen soal selidik melalui teknik temu bual berstruktur. Soal selidik yang disusun untuk mengukur permasalahan kajian ini mempunyai lapan bahagian yang dianggap perlu. Maklumat yang dikumpul melalui soal selidik ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut, iaitu latar diri responden; pekerjaan dan pendapatan; sikap terhadap pendidikan anak-anak; soalan tentang keluarga dan komuniti, merangkumi persoalan tentang ikatan dan hubungan dalam kalangan anggota keluarga dan aktiviti kejrangan komuniti; soalan sikap, nilai dan semangat diri; kualiti dan cabaran hidup; pemilikan aset serta bantuan yang diterima daripada YDSM dan bukan YDSM. Semua data dan maklumat yang telah dikumpul dalam kajian ini dianalisis menggunakan kaedah perisian SPSS *Statistical Package for the Social Sciences*, (SPSS).

Selain itu, kajian lapangan juga melibatkan temu bual mendalam yang dilaksanakan pada tahun 2011 dan 2012. Proses menganalisis dan meneliti data-dilakukan serentak bagi memastikan kelancaran penyelidikan. Sekiranya terdapat 'kelompangan' data, ia dikenal pasti dan diperbaiki dengan kadar segera. Tempoh masa temu bual adalah antara satu setengah hingga dua jam bagi setiap seorang responden. Di samping itu, penyelidikan perpustakaan amat penting untuk mendapatkan data dan maklumat sekunder berkenaan isu yang dikaji. Oleh sebab kajian ini bersifat *action research*, perbincangan dari semasa ke semasa diadakan dengan pihak YDSM untuk menarik perhatian terhadap masalah yang dihadapi para peserta yang memerlukan tindakan segera. Dengan cara ini, kajian ini bersifat dinamik dan dijalankan berasaskan perkembangan di lapangan.

### **Penubuhan YDSM dan Konsep Program Pemerkasaan**

Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) ditubuhkan pada Julai 2005. Ia diwujudkan atas inisiatif Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dan dipengerusikan sendiri oleh baginda. Yayasan ini merupakan sebuah badan amal bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat negeri Terengganu khususnya dan rakyat Malaysia umumnya. YDSM memainkan peranan positif dan proaktif dalam menyokong dan mendukung usaha Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta pihak lain untuk melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan bagi memajukan taraf hidup rakyat Terengganu. Dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program dan projeknya, YDSM berpegang pada prinsip tidak melakukan pertindihan atau persaingan dengan apa yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak lain, khususnya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Bagi memajukan taraf sosioekonomi rakyat negeri Terengganu dan memelihara warisannya, yayasan ini mengadakan pelbagai program dalam usaha memperkasakan masyarakat golongan bawahan dengan berpandukan falsafah "Memberi joran, untuk memancing ikan." Hal ini terserlah dalam pelbagai program pembangunan masyarakat yang dilaksanakannya seperti program usahatani cendawan untuk ibu tunggal, program latihan seni kraf warisan untuk belia, serta program pembangunan usahawan mikro berasaskan agihan wang zakat bagi golongan miskin dan mereka yang memerlukan dan sebagainya.

Daripada pemerhatian dan temu bual yang dijalankan, didapati YDSM mengkonsepsikan program ini sebagai satu program pengupayaan atau pemerksaan. Dalam falsafah yang diterapkan oleh YDSM iaitu “Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya.” Inilah inti kepada idea pemerksaan yang dipegang oleh yayasan, iaitu para peserta mesti meningkatkan daya usaha sendiri dan berusaha dengan bimbingan yayasan. YDSM berpendapat apabila individu dan kelompok diupayakan melalui penyediaan modal, latihan, suntikan semangat dan keyakinan diri barulah inisiatif dan kreativiti mereka dapat dikembangkan. Golongan miskin dan berpendapatan rendah bukan semata-mata memerlukan bantuan material, tetapi lebih penting, bantuan dari segi idea, motivasi, kesedaran dan teknik agar mereka dapat berdikari serta mengambil tanggungjawab ke atas nasib mereka sendiri. Dalam konteks sebuah masyarakat seperti masyarakat Malaysia yang masih diselubungi sindrom subsidi, menanam semangat berdikari melalui proses pemerksaan ini tidak mudah, sebaliknya memerlukan pendedahan pendidikan, peningkatan kesedaran, latihan serta pemantauan yang teliti dan berterusan.

Selain daripada itu, YDSM juga secara sedar berpegang pada prinsip keikutsertaan atau partisipasi, dengan demikian menjadikan program itu sebagai satu program pembangunan ikut serta. Dalam hal ini, partisipasi yang dimaksudkan bukanlah partisipasi formal; juga bukan partisipasi manipulatif (lihat Arnstein 1969 untuk huraian lanjut tentang *ladder of participation* atau tahap-tahap penglibatan). Partisipasi di sini ialah partisipasi substantif, iaitu idea dan cadangan para peserta diambil kira dan dimantapkan bagi memajukan projeknya. Partisipasi ini berdasarkan idea bahawa para peserta adalah rakan kongsi dalam usaha pembangunan serta bertanggungjawab ke atas perubahan nasib diri sendiri.

Dalam usaha pelaksanaan projek pembangunan ini, pegawai penyelarasan dan pimpinan YDSM sentiasa berinteraksi atau ‘berdialog’ dengan peserta sebagai satu cara memastikan apa yang dilaksanakan bagi memajukan projek itu bukannya semata-mata ‘datang dari atas’, tetapi merupakan hasil ‘dialog bersama’ antara yayasan dengan peserta. Melalui ‘dialog’ inilah sebarang cadangan atau masalah dikenal pasti dan sekiranya memerlukan bantuan daripada agensi kerajaan untuk menyelesaikannya, pihak yayasan akan berusaha mendapatkan bantuan tersebut.

### **Takrifan Konsep Ibu Tunggal**

Untuk memilih peserta ibu tunggal bagi program ini, YDSM mengambil kira takrifan yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Malaysia dan juga badan antarabangsa seperti Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP). Pihak KPWKM mendefinisikan ibu tunggal di Malaysia sebagai seorang balu, janda, isteri yang 'digantung tidak bertali', isteri yang menjadi pencari nafkah utama keluarga (*breadwinner*), wanita yang mempunyai tanggungan anak, ibu bapa dan ahli keluarga yang tidak berkeupayaan seperti ahli keluarga OKU. Sementara itu, kriteria ibu tunggal yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia semasa bancian penduduk dalam tahun 2000 ialah perempuan yang menjadi ketua isi rumah, balu atau bercerai/berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama.

Walau bagaimanapun, menurut UNDP, takrifan ibu tunggal perlu komprehensif dan merangkumi wanita yang merupakan punca utama pendapatan keluarga dan mempunyai anak

yang masih dalam tanggungan. Berikut adalah senarai kriteria ibu tunggal yang disyorkan oleh UNDP iaitu:

- Wanita yang bercerai, kematian suami (balu), ditinggalkan dan merupakan punca utama pendapatan keluarga.
- Wanita yang berkahwin dengan suami yang mempunyai lebih daripada seorang isteri dan wanita tersebut yang menjadi punca utama keluarga tersebut.
- Wanita yang berkahwin secara sah tetapi secara praktiknya berpisah dengan suami (tidak tinggal dengan suami/ditinggalkan suami).
- Wanita yang berkahwin secara sah dan merupakan punca utama rezeki keluarga.
- Ibu tunggal yang tidak berkahwin secara sah dan mempunyai kanak-kanak yang masih dalam tanggungan.
- Wanita yang memelihara anak orang lain. Sebagai contoh, seorang nenek yang terpaksa mengambil alih peranan sebagai penjaga kepada cucunya akibat kematian anak perlu dimasukkan dalam definisi ibu tunggal.

Pada tahun 2010, JPW Malaysia dengan kerjasama UNDP telah menyediakan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Memperkasakan Ibu Tunggal. Tiga aktiviti utama dalam penyediaan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Memperkasakan Ibu Tunggal, iaitu mengenal pasti profil sosioekonomi ibu tunggal di Malaysia mengkaji keberkesanan bantuan dan program-program yang disediakan untuk ibu tunggal dan mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi membantu dan memperkasakan ibu tunggal di Malaysia.

Apa yang dilakukan oleh YDSM melalui program usahatani cendawan untuk ibu tunggal ini adalah selaras dengan konsep ibu tunggal seperti yang dicadangkan oleh JPW dan UNDP. YDSM sedar tentang polemik di sekitar definisi konsep ibu tunggal di Malaysia tetapi tidak bercadang membahaskannya di sini (lihat Evans, 2011 untuk perbincangan berhubung perkara ini).

### **Pelaksanaan Program Usahatani Cendawan YDSM**

Untuk memastikan kejayaan program usahatani cendawan, sokongan dan kerjasama rakan-rakan dalam pembangunan telah dimanfaatkan. Dalam hal ini, yayasan telah memperoleh sokongan dana daripada penyumbang antarabangsa iaitu Syarikat Exxon-Mobil di bawah program 'Women's Economic Opportunity Initiative.' Menurut keterangan Exxon-Mobil, ia adalah "satu program global yang bertujuan meningkatkan peluang dan penglibatan kaum wanita dalam bidang ekonomi melalui usaha pembangunan kemahiran, penyediaan program sokongan serta bantuan kewangan bagi membolehkan mereka meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga masing-masing" (*TINTA* 3, 2011: pp. 27 – 28). Selain itu, yayasan mendapat bantuan dan kerjasama daripada Jabatan Pertanian Negeri untuk memberi latihan teknikal bagi para peserta berhubung tanaman cendawan serta kerjasama pembekal benih cendawan dan kontraktor untuk membina rumah cendawan menurut spesifikasi yang ditetapkan.

Dalam melaksanakan program ini, didapati YDSM mengikuti lima tahap prosedur. Tahap pertama ialah pemilihan para peserta untuk mengikuti program ini. Pihak yayasan telah meminta pencalonan daripada jabatan-jabatan kerajaan seperti Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK),

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta JPW bagi membantu yayasan. Selain itu, yayasan juga memperoleh nama secara langsung melalui rangkaiannya. Senarai yang diperoleh itu disaring terlebih dahulu dan semakan awal dilakukan di lapangan untuk memastikan kesesuaian calon peserta dengan matlamat yayasan. Pihak yayasan berusaha memastikan bahawa selain daripada ibu tunggal seperti yang diterangkan di atas, mereka juga mempunyai minat untuk menceburi bidang pertanian dalam bentuk tanaman cendawan. Pemilihan calon yang tepat dan selaras dengan kumpulan sasaran sangat penting bagi menjayakan program ini.

Tahap kedua, para peserta diberikan kursus selama lima hari. Di sini peranan rakan teknikal dalam pembangunan sangat penting. Kursus ini dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. Modul kursus menekankan kedua-dua aspek teori dan praktikal supaya peserta menjadi benar-benar mahir. Tahap ketiga, latihan praktikal oleh peserta dijalankan selama dua bulan. Lazimnya, ia dilaksanakan di tempat asal para peserta. Pada tahap ini, pihak yayasan bersama rakannya iaitu Jabatan Pertanian Negeri dapat melihat peserta yang berpotensi untuk maju.

Pada tahap keempat, sebilangan peserta yang disaring dan dinilai sebagai peserta terbaik akan menerima bantuan penuh daripada yayasan. Setiap seorang akan menerima rumah cendawan serta seribu biji benih cendawan bernilai antara RM10,500 hingga RM12,000.

Tahap kelima ialah pemantauan berterusan oleh pihak yayasan terhadap usaha para peserta agar dapat memberi bimbingan dan mengatasi masalah yang timbul. Dalam proses pemantauan ini, para peserta sering diberi suntikan semangat dan motivasi tentang pentingnya berusaha dengan keras dan bijak, berbincang tentang penyimpanan akaun, pemasaran dan sebagainya.

### **Pelaksanaan Projek dan Impak ke atas Kehidupan Peserta**

Program usahatani cendawan YDSM telah dimulakan pada tahun 2008 dengan pengambilan peserta berdasarkan sesi yang berbeza. Sehingga akhir 2014, ia telah berusia kira-kira enam tahun. Bagi artikel ini, sampel yang dipilih ialah peserta daripada tiga fasa kumpulan, iaitu kumpulan sesi pertama terdiri daripada 17 orang peserta yang menyertainya pada 2008, kumpulan sesi kedua 28 orang peserta yang menyertai program pada 2009 dan 13 orang peserta sesi ketiga yang menyertai program pada 2010. Kajian ini dijalankan pada 2010 dan 2011 dan tinjauan susulan di lapangan dilakukan selepas itu.

Bahagian ini akan meneliti dan menganalisis dapatan hasil kajian di lapangan. Antara yang dibincangkan ialah profil demografi peserta, proses dan mekanisme penglibatan peserta dalam projek YDSM, pengurusan, penghasilan dan pemasaran tanaman cendawan, perancangan memajukan perusahaan tanaman cendawan, cadangan penambahbaikan YDSM, pandangan dan tahap kepuasan peserta, penilaian terhadap projek tanaman cendawan dan cabaran dan kesejahteraan hidup peserta. Bahagian ini juga menyediakan satu laporan kes ibu tunggal yang berjaya dalam program usahatani cendawan ini.

#### a) Profil Demografi

Projek Tanaman Cendawan ini melibatkan tiga kumpulan, iaitu kumpulan sesi pertama terdiri daripada 17 orang peserta pada 2008, kumpulan sesi kedua seramai 28 orang peserta yang menyertai program pada 2009 dan 13 orang peserta sesi ketiga yang menyertai program pada 2010. Daripada 58 orang peserta, kesemuanya menerima pendidikan formal kecuali seorang peserta yang tidak pernah bersekolah. Majoriti peserta 27 orang (47 peratus) mempunyai kelulusan SPM. Selebihnya, 15 orang memiliki UPSR dan PMR, dan empat orang memiliki STPM. Namun, terdapat sepuluh orang peserta yang memiliki Diploma, bahkan terdapat seorang peserta yang memiliki ijazah pertama. Dari segi usia, seramai 20 orang berumur lingkungan 35 tahun ke bawah, 26 orang berusia 36 – 50 tahun, manakala 13 orang berusia 51 tahun ke atas. Bahkan dalam kalangan 51 tahun ke atas, terdapat lima orang yang sudah berusia 59 tahun dan ke atas.

Para peserta datang dari seluruh daerah di negeri Terengganu. Kesemua peserta (58 orang) menetap di kawasan luar bandar dengan taburannya 14 orang peserta menetap di daerah Dungun, 13 orang di daerah Marang, 11 orang daerah Kemaman, tujuh orang masing-masing di daerah Besut dan daerah Hulu Terengganu, lima orang di daerah Setiu dan seorang lagi di daerah Kuala Terengganu.

Kajian menunjukkan hanya 25 orang (43 peratus) peserta tinggal di rumah ibu atau bapa atau mertua. Selebihnya, iaitu 24 orang (41 peratus) tinggal di rumah sendiri, diikuti lima orang (9 peratus) menyewa rumah dan empat orang (7 peratus) tinggal di rumah pusaka. Umumnya, majoriti peserta (52 peratus) mengatakan rumah kediaman mereka agak selesa, iaitu rumah separuh batu dan separuh kayu. Sebanyak 34 peratus mendiami rumah tradisional kayu. Selebihnya, 14 peratus mendiami rumah bantuan kerajaan, iaitu rumah mesra rakyat dan rumah PPRT.

#### b) Proses dan Mekanisme Penglibatan dalam Projek YDSM

Hasil kajian menunjukkan daripada 58 orang peserta, seramai 18 orang melibatkan diri dalam projek tersebut kerana mendapat galakan daripada keluarga, jiran, ketua kampung dan kawan-kawan. Seterusnya, seramai 13 orang lagi melibatkan diri secara terus dengan mengisi borang di Pejabat Pertanian Daerah, manakala sembilan orang peserta melibatkan diri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga. Selain itu, ada juga yang melibatkan diri melalui kelab persatuan ibu tunggal di daerah masing-masing, selepas kematian suami dan tiada tempat bergantung. Bahkan ada yang mengetahui tentang Projek Tanaman Cendawan ini melalui iklan di surat khabar seperti *Kosmo*, *Berita Harian* dan lain-lain serta melalui surat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah masing-masing. AIM, Giat Mara dan Program E-Kasih turut memainkan peranan dalam memberi maklumat tentang Projek Tanaman Cendawan anjuran YDSM.

Hasil kajian mendapati semua peserta menyatakan minat yang tinggi terhadap tanaman cendawan. Kesemua peserta mengikuti kursus yang ditawarkan oleh YDSM sebelum mereka memulakan Projek Tanaman Cendawan masing-masing. Para peserta Projek Tanaman Cendawan berpendapat, kursus yang ditawarkan oleh YDSM boleh membawa perubahan kepada mereka. Bahkan, mereka boleh berdikari dalam mengusahakan Projek Tanaman Cendawan.



YDSM tidak memberi rumah cendawan kepada semua peserta. Saringan dilakukan daripada senarai peserta. Justeru, daripada 58 orang peserta Projek Tanaman Cendawan, sebahagian besar iaitu 34 orang (59 peratus) tidak menerima bantuan rumah cendawan dari YDSM. Mereka hanya mengikuti kursus latihan. Selebihnya, 24 orang (41 peratus) telah dipilih untuk menerima bantuan penuh, iaitu rumah dan benih cendawan daripada YDSM yang bernilai lebih RM10,000.

Hasil kajian menunjukkan dalam Projek Tanaman Cendawan, majoriti peserta (83 peratus) telah melibatkan diri dalam Projek Tanaman Cendawan disebabkan oleh faktor minat sendiri. Seterusnya, diikuti oleh faktor dorongan keluarga (66 peratus) dan faktor merebut peluang yang diberikan untuk meningkatkan pendapatan keluarga (41 peratus) (lihat Jadual 1). Minat yang tinggi dalam kalangan ibu tunggal untuk terlibat dalam usahatani cendawan ini menunjukkan satu kecenderungan yang positif dalam usaha memperkasa diri dan keluarga meningkatkan taraf hidup. Berdasarkan kajian lain tentang pembangunan komuniti, faktor dorongan dalaman diri seperti minat yang tinggi, motivasi dan semangat yang kuat, nilai dan sikap yang positif serta kemahiran yang dipelajari ternyata menjadi faktor 'penyuntik' untuk membantu mereka, khususnya yang tidak mempunyai pendidikan tinggi bergerak dan mencapai mobiliti tinggi (Nor Hayati, 2011).

**Jadual 1** Faktor yang mendorong peserta terlibat dalam Projek Tanaman Cendawan

Kategori	Projek Tanaman Cendawan		
	Tidak (%)	Ya (%)	Jumlah (%)
Minat sendiri	17.0 (n=10)	83.0 (n=48)	100.0 (n=58)
Dorongan keluarga	34.0 (n=20)	66.0 (n=38)	
Merebut peluang yang diberikan untuk meningkatkan pendapatan keluarga	59.0 (n=34)	41.0 (n=24)	

**c) Pengurusan, Penghasilan dan Pemasaran Tanaman Cendawan**

Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa masalah yang timbul ketika mengusahakan Projek Tanaman Cendawan seperti kekurangan modal, hasil cendawan yang diperolehi adalah sedikit, serangan kulat hijau dan semut, faktor iklim yang tidak menentu, kekurangan pemantauan dan pemerhatian daripada pihak yang terbabit dan masalah pengangkutan untuk memasarkan hasil cendawan yang diperolehi.

Dalam Projek Tanaman Cendawan, daripada 58 orang peserta, seramai 45 orang (78 peratus) mempunyai kemahiran dalam bidang pemasaran hasil cendawan yang diperolehi. Majoriti (71 peratus) peserta menyatakan permintaan pasaran bagi cendawan mereka amat baik. Sungguhpun demikian, ada sebahagian peserta menyatakan keadaan permintaan bagi cendawan mereka adalah sederhana baik. Bahkan, ada juga yang menyatakan pasaran cendawan mereka kurang baik. Hal

ini bergantung kepada lokasi, khususnya peserta dari daerah Besut yang menghadapi cabaran pemasaran disebabkan persaingan cendawan yang dibawa masuk dari Thailand. Hasil temu bual dengan kebanyakan para peserta tanaman cendawan ini menyatakan mereka masih kurang berkemahiran untuk memasarkan hasil tanaman secara komersial. Hanya satu pertiga (40 peratus) peserta memasarkan hasil cendawan kepada pemborong, peniaga di pasar basah dan pasar tani, serta pasar raya seperti Mydin dan Giant. Sementara majoriti (60 peratus) peserta menjual hasil cendawan kepada jiran tetangga dan masyarakat setempat (lihat Jadual 1.2).

**Jadual 2** Golongan pembeli cendawan peserta

Kategori	(%)
Pemborong	23.0 (n=13)
Orang kampung atau orang sekitar kawasan tanaman cendawan tersebut	60.0 (n=35)
Pasar basah atau pasar tani yang berhampiran	5.0 (n=3)
Pasaraya (Mydin, Giant dan lain-lain)	12.0 (n=7)
Jumlah	100.0 (n=58)

Jadual 3 menunjukkan penghasilan tanaman cendawan peserta. Seorang peserta (2 peratus) mengutip atau memetik cendawan sebanyak 30 kali lebih sebulan, iaitu pada tahap tinggi. Kebanyakan peserta iaitu 37 orang (64 peratus) mengutip atau memetik cendawan sebanyak 11 – 30 kali dalam masa sebulan iaitu agak tinggi. Bahkan, ada seorang peserta yang memetik cendawan lebih 30 kali sebulan. Selain itu, 20 orang peserta (34 peratus) mengutip cendawan sepuluh kali ke bawah dalam tempoh masa sebulan.

Dari segi hasil cendawan untuk sekali tuai, majoriti seramai 39 orang memperoleh hasil cendawan sebanyak 5 kg ke bawah. Sejumlah 14 orang memperoleh hasil cendawan sebanyak 6 – 10kg, tiga orang memperoleh hasil cendawan sebanyak 11 – 15kg dan hanya dua orang sahaja memperoleh hasil cendawan sebanyak 16 kg ke atas dalam sekali tuai (sila lihat Jadual 3).

Hasil kajian menunjukkan lebih separuh (64 peratus) peserta tidak mampu menghasilkan lebih banyak cendawan berbanding sekarang. Namun, 36 peratus peserta menyatakan mereka mampu menghasilkan lebih banyak cendawan. Ada yang mampu menghasilkan cendawan sebanyak di bawah 20 kg, tetapi ada beberapa orang peserta yang mampu menghasilkan cendawan sebanyak 40 kg ke atas sehingga 60 kg. Bahkan, terdapat dua orang peserta yang mampu menghasilkan 60 kg cendawan dalam masa sebulan.

**Jadual 3** Penghasilan tanaman cendawan

Kategori	(%)
<b>a. Kekerapan memetik cendawan dalam sebulan</b>	
10 ke bawah (rendah)	34.0 (n=20)
11 – 30 (sederhana tinggi)	64.0 (n=37)
31 ke atas (tinggi)	2.0 (n=1)
Jumlah	100.0 (n=58)
<b>b. Bilangan kg hasil cendawan peserta untuk sekali tuai</b>	
5 kg ke bawah	67.0 (n=39)
6 kg - 10kg	25.0 (n=14)
11 kg – 15kg	5.0 (n=3)
16 kg ke atas	3.0 (n=2)
Jumlah	100.0 (n=58)
<b>c. Adakah peserta mampu menghasilkan lebih banyak cendawan berbanding sekarang</b>	
Tidak	64.0 (n=37)
Ya	36.0 (n=21)
Jumlah	100.0 (n=58)

Hasil kajian menunjukkan penghasilan tanaman cendawan menggambarkan bahawa golongan ibu tunggal berupaya menguruskan projek mereka dengan baik. Beberapa peserta mengakui bahawa kursus secara teori dan praktikal yang diberikan oleh pihak YDSM dan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu memang membantu mereka mengurus selok-belok penanaman dan penjagaan tanaman cendawan ini.

Daripada pengalaman, para peserta mengetahui terdapat ramai peminat sayuran cendawan dalam masyarakat, yakni potensi pasarannya baik. Justeru, hasil daripada pengalaman mereka memasarkan hasil tanaman, para peserta memberikan beberapa pandangan tentang cara untuk memanfaatkan harga cendawan yang tinggi pada masa sekarang. Antaranya;

- Mengadakan promosi kepada jiran tetangga, rakan-rakan dan lain-lain.
- Mencari lebih ramai pelanggan tetap untuk membeli hasil cendawan mereka.
- Memperbanyakkan pengeluaran hasil cendawan.

- Membungkuskan cendawan menjadi peketer-peketer kecil.

#### **d) Pandangan dan Tahap Kepuasan Peserta**

Kajian menunjukkan pandangan peserta terhadap pegawai pertanian yang terlibat dengan Projek Tanaman Cendawan tersebut. Umumnya, kebanyakan peserta memberikan pandangan yang positif terhadap khidmat nasihat pegawai pertanian. Misalnya, hasil kajian menunjukkan pegawai pertanian dapat memberikan perkhidmatan pada masa yang dijanjikan, mereka sentiasa melaksanakan perkhidmatannya dengan betul dan sedia membantu apabila diperlukan. Peserta tanaman cendawan juga menyatakan pegawai pertanian sentiasa memahami keperluan peserta Projek Tanaman Cendawan dan berupaya memberikan penerangan yang jelas kepada peserta serta sentiasa memantau prestasi atau keupayaan peserta dalam mengusahakan tanaman cendawan masing-masing.

Umumnya, hampir keseluruhan peserta yang terlibat dalam projek tersebut menyatakan pandangan yang positif tentang kesan projek ini terhadap kehidupan mereka dan keluarga. Mereka menyatakan amat berpuas hati dalam menggunakan kemahiran teori atau praktikal yang dipelajari dalam projek tersebut (100 peratus); amat puas hati dipilih sebagai salah seorang peserta projek (96 peratus); amat berpuas hati dengan pencapaian mereka di dalam projek (95 peratus); amat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh YDSM melalui projek tersebut (93 peratus); dan amat puas hati dengan bantuan rumah cendawan, biji benih dan sumber modal yang diberikan untuk mengusahakan tanaman cendawan tersebut amat memuaskan hati (89 peratus) (lihat Jadual 4).

**Jadual 4** Tahap kepuasan peserta tentang keberkesanan projek tersebut terhadap kehidupan mereka dan keluarga

Kategori	Projek Tanaman Cendawan			Jumlah (%)
	Tidak Memuaskan Hati (%)	Sederhana Memuaskan Hati (%)	Amat Memuaskan Hati (%)	
• Kepuasan peserta dengan perkhidmatan yang diberikan oleh YDSM melalui projek tersebut	5.0 (n=3)	2.0 (n=1)	93.0 (n=54)	<b>100.0 (n=58)</b>
• Adakah peserta berpuas hati dengan apa yang dicapai dalam projek tersebut	3.0 (n=2)	2.0 (n=1)	95.0 (n=55)	
• Kepuasan peserta sebagai salah seorang peserta dalam projek tersebut	2.0 (n=1)	2.0 (n=1)	96.0 (n=56)	
• Kepuasan peserta dalam menggunakan kemahiran teori atau praktikal yang dipelajari dalam projek tersebut	-	2.0 (n=1)	98.0 (n=57)	
• Kepuasan peserta dengan bantuan rumah cendawan, biji benih dan sumber modal yang diberikan untuk mengusahakan tanaman cendawan tersebut	11.0 (n=6)	-	89.0 (n=52)	

**e) Penilaian dan Cadangan Penambahbaikan Terhadap Projek Tanaman Cendawan**

Hasil kajian menunjukkan majoriti peserta (90 peratus) Projek Tanaman Cendawan ini menilai projek tersebut pada tahap tinggi iaitu tahap 7 – 10, manakala enam orang (10 peratus) peserta menilai projek tersebut pada tahap sederhana tinggi iaitu tahap 4 – 6. Berikut ialah beberapa pandangan dan penilaian peserta tentang Projek Tanaman Cendawan ini:

- Projek Tanaman Cendawan ini adalah satu projek yang menarik.
- Projek Tanaman Cendawan ini perlu diteruskan.
- Projek Tanaman Cendawan ini berjaya menarik minat orang ramai untuk menyertainya.

- Projek Tanaman Cendawan ini kekurangan publisiti atau promosi.
- Projek Tanaman Cendawan ini dapat memberikan pendedahan dan meningkatkan kemahiran peserta untuk menjadi pengusaha cendawan yang berjaya.
- Projek Tanaman Cendawan ini dapat menyumbang kepada pembangunan industri pertanian khususnya di Terengganu.

Para peserta juga telah memberikan beberapa cadangan bagi penambahbaikan perkhidmatan yang diberikan oleh YDSM dalam Projek Tanaman Cendawan. Antaranya ialah:

- Dari segi bantuan;
  1. Menyediakan pinjaman modal kepada peserta yang berpotensi untuk berjaya dan yang memerlukan.
  2. Memberikan bantuan rumah cendawan kepada semua peserta kursus.
  3. Mengurangkan ketebalan jaring rumah cendawan agar bongkah cendawan mendapat pengudaraan yang baik.
  4. Memerlukan bantuan bengkel untuk membuat sendiri bongkah cendawan.
  5. Memerlukan bantuan kewangan.
- Dari segi pengurusan YDSM:
  1. Mengharapkan YDSM menyediakan pasaran cendawan sendiri.
  2. Mencari pembekal benih cendawan yang berkualiti dan bermutu.
  3. Membuat pemantauan secara berkala.
  4. Memantau tahap kebersihan pembekal benih cendawan agar cendawan yang dihasilkan berkualiti dan mengeluarkan hasil yang banyak.
- Dari segi kursus tanaman cendawan:
  1. Mengharapkan tempoh kursus dipanjangkan.
  2. Melakukan banyak promosi dari semasa ke semasa.

#### **f) Cabaran dan Kesejahteraan Hidup**

Kajian pembangunan dan pemerksaan komuniti ini turut meneliti cabaran yang dihadapi oleh peserta dalam kehidupan harian mereka. Hasil kajian mendapati para peserta program usahatani cendawan ini telah mengalami perubahan kehidupan selepas menyertai program ini. Sebanyak 79 peratus mengatakan punca pendapatan diri dan keluarga semakin bertambah, berbanding sebelum menyertai program (57 peratus). Perubahan lebih ketara ialah perbelanjaan sekolah anak-anak mereka, iaitu hampir separuh (48 peratus) mengakui anak-anak mereka dapat membawa wang saku dan pembelian alat persekolahan hasil daripada pendapatan jualan cendawan, berbanding sebelum menyertai program ini (7 peratus). Akhirnya, 35 peratus peserta mengakui taraf kehidupan diri dan keluarga secara keseluruhannya lebih baik selepas menyertai berbanding sebelumnya (31 peratus).

Dari segi simpanan, ternyata terdapat perubahan. Hasil kajian menunjukkan pada masa sekarang, selepas terlibat dengan projek YDSM, 56 orang peserta membuat simpanan berbanding dengan 51 orang peserta yang berbuat demikian sebelumnya. Bilangan yang meningkatkan jumlah simpanan juga meningkat daripada lima orang peserta sebelumnya kepada 16 orang peserta

setelah terlibat dengan projek YDSM. Situasi ini menunjukkan kehidupan peserta Projek Tanaman Cendawan semakin baik (sila lihat Jadual 5).

**Jadual 5** Wang simpanan peserta

Kategori	Projek Tanaman Cendawan	
	Sekarang, selepas terlibat dengan projek YDSM (%)	Dahulu, sebelum terlibat dengan projek YDSM (%)
Tidak menyimpan	3.0 (n=2)	12.0 (n=7)
Menyimpan sedikit	69.0 (n=40)	79.0 (n=46)
Satu pertiga daripada pendapatan	19.0 (n=11)	4.0 (n=2)
Separuh daripada pendapatan	9.0 (n=5)	5.0 (n=3)
Jumlah	100.0 (n=58)	

Terdapat beberapa tujuan peserta Projek Tanaman Cendawan menyimpan wang iaitu 22 orang peserta menyimpan wang untuk menambah modal projek, diikuti oleh 34 orang peserta yang menyimpan wang untuk kegunaan waktu kecemasan dan untuk kegunaan simpanan hari tua. Hakikatnya, seramai 22 orang peserta menyatakan mereka menyimpan untuk menambah modal projek. Situasi ini menunjukkan mereka mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi untuk memajukan dan memastikan projek tanaman cendawan.

**Contoh Peserta Usahatani Cendawan yang Berjaya (dipetik dari *TINTA*, 2011)**

*TINTA*, sebuah majalah terbitan YDSM keluaran Januari – April 2011 menyiarkan sebuah laporan tentang seorang peserta usahatani cendawan yang berjaya, iaitu Puan Hadijah Othman yang berasal dari Seberang Pintas, Marang. Berikut ialah petikan laporan itu:

“Beliau adalah antara penduduk kampung yang telah dilatih melalui Program Usahatani Cendawan untuk ibu tunggal dan dipilih untuk diberi bantuan rumah cendawan. Kesyukuran kepada Tuhan jelas terbayang di wajah Puan Hadijah, terutama apabila beliau berkata ‘Alhamdulillah, kalau nak buat sendiri, memang tak leh. Terima kasihlah kepada Yayasan.’

Puan Hadijah bukan sahaja aktif sebagai seorang usahawan tani di kampung beliau tetapi juga tidak lokek untuk berkongsi pengetahuan. Beliau sering menunjuk ajar jiran-jiran yang berminat untuk mempelajari selok-belok menanam cendawan. Secara tidak langsung, usaha YDSM membantu beberapa orang ibu tunggal mempelajari cara-cara menanam cendawan kini telah dikembangkan kepada masyarakat sekeliling oleh salah seorang peserta yang mendapat bantuan

daripada yayasan. Usaha mengembangkan apa yang dipelajari melalui program usahatani YDSM seperti ini sudah pasti akan membantu yayasan mencapai objektif penubuhannya.

Daripada segi pendapatan tambahan yang diperoleh oleh Puan Hadijah melalui tanaman cendawan ini pula, beliau berupaya mendapat antara 5 ke 6 kilogram (RM8.00 satu kilogram) setiap pusingan penanaman dan setiap bongkah cendawan boleh menghasilkan 7 pusingan. Hasil ini sudah tentu bergantung kepada saiz rumah cendawan dan jumlah bongkah yang ditanam.

Kegigihan Puan Hadijah berusaha jelas dapat dilihat daripada semangat beliau yang kental. Selain mengusahakan tanaman cendawan, beliau juga menternak 30 ekor kambing, mengusahakan kedai runcit serta mengambil upah menjahit. Dengan usaha beliau yang gigih itu, dia dapat menyara dan menyekolahkan anak-anaknya.

## **Kesimpulan**

Pada umumnya, hasil kajian mendapati Program Usahawan Tani Cendawan YDSM telah memberikan impak yang positif kepada peserta yang terlibat. Kebanyakannya berjaya mengubah status sosioekonomi masing-masing dan menunjukkan ciri keusahawanan. Beberapa input daripada para peserta program tanaman cendawan yang perlu dipertimbangan oleh pihak yayasan, iaitu para peserta mengharapkan agar rumah cendawan diberikan kepada mereka yang benar-benar layak; pembinaan rumah cendawan perlu mengikut spesifikasi yang ditetapkan; benih-benih yang berkualiti diberikan kepada mereka oleh pembekal; pembekal harus memastikan benih itu berkualiti; pemberian bongkah cendawan secara adil kepada para peserta; pemantauan berterusan daripada pihak YDSM; dan sebahagiannya memerlukan bimbingan kemahiran dalam memasarkan hasil tanaman.

Walau bagaimanapun, semasa kajian dilakukan, program ini baru berusia enam tahun dan kesan jangka panjangnya masih perlu dikenal pasti. Sungguhpun begitu, program ini adalah usaha yang baik dan berjaya mengubah kehidupan golongan ibu tunggal di desa. Untuk memastikan kejayaannya, prinsip pemeraksanaan dan keikutsertaan perlu diterapkan dengan baik di samping mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak bagi menjayakan program pembangunan komuniti. Pada masa yang sama, motivasi dan komitmen peserta terhadap projek yang dilaksanakannya amat penting bagi menjamin kejayaan projek itu.

Dua perkara perlu ditegaskan hasil daripada kajian ini. Pertama, pelaksanaan program pembangunan masyarakat yang dijalankan oleh YDSM di Terengganu menerapkan pendekatan bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, badan swasta dan juga masyarakat untuk tujuan yang sama. Sinergi antara pelbagai pihak tersebut amat penting bagi mengukuhkan lagi usaha ini dan menjamin kejayaannya. Kedua, idea dan pelaksanaan konsep pemeraksanaan oleh YDSM sangat penting bagi membimbing para peserta supaya dapat mengobarkan kebolehan dan kreativiti mereka. Berdasarkan pengalaman projek ini, memang benar apabila individu dan kelompok diupayakan melalui penyediaan modal, latihan, suntikan semangat dan keyakinan diri, inisiatif dan kreativiti mereka dapat dikembangkan. Inisiatif ini merupakan antara jalan keluar bagi membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah mengatasi sindrom ketergantungan dan berdikari. Mereka bukan semata-mata memerlukan bantuan material, tetapi lebih penting lagi,



bantuan dari segi idea, motivasi, kesedaran dan teknik agar mereka dapat berdikari serta mengambil tanggungjawab ke atas nasib mereka sendiri.

### **Penghargaan**

Para penulis mengucapkan terima kasih kepada Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) kerana menyediakan geran penyelidikan untuk melakukan kajian ini. Juga, terima kasih atas kebenaran menggunakan penemuan kajian ini untuk dikongsikan dalam seminar dan penerbitan.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong. (2003). *Pembangunan dan kesejahteraan: Agenda kemanusiaan abad ke-21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2007). Meninjau kembali pembangunan komuniti dalam strategi pembangunan negara. Dlm. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Arnstein, S.R. (1969). A ladder of citizen participation. *Journal of the American Planning Association*. 35 (4): pp. 216 – 224.
- Bailey, K.D. (1978). *Methods of social research*. New York: Free Press.
- Evans, M. (2011). Single mothers in Malaysia: Social protection as an exercise of definition in search of solution. International Conference: “Social Protection for Social Justice” Institute of Development Studies, UK, 13 – 15 April.
- Ishak Shari. (1992). *Pembangunan dan kemunduran: Perubahan ekonomi luar bandar di Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1999). *Bumi semua manusia: Menangani ketidaksetaraan ekonomi dalam arus globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- North, Douglass C. (1990). *Institutions, institutional change, and economic performance*. New York: Cambridge University Press.
- Nor Hayati Sa’at. (2011). Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai: Kajian kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, Vol. 29, Supp. 1, 2011, 95 – 123.
- Seers, D. (1972). The meaning of development. Dlm. Nancy Bastor (Ed.). *Measuring Development: The Role and Adequacy of Development Indicators*. London: Franck Cass.
- TINTA. (2011). Surat Berita YDSM. Jan – April. Kuala Terengganu.